



KUIS

HADIS
Jurnal Ilmiah Berwasit
Artikel - Artikel Berorientasikan Kajian
dan Penyelidikan Dalam Bidang Hadis

الحديث
مجلة علمية محكمة نصف سنوية
تعنى بالبحوث والدراسات الحديثة



INHAD

A Refereed Academic Journal in Hadith Studies

Published biannually by :

HADITH AND AQIDAH RESEARCH INSTITUTE (INHAD)

Selangor International Islamic University College (KUIS)

Bandar Seri Putra, 43600, Bangi

Selangor (Darul Ehsan) Malaysia

Tel: 03 - 8911 7000 Ext: 6129/6130. Fax: 03 - 8926 6279

Email: jurnalhadis@kuis.edu.my Web: www.journal.kuis.edu.my/hadis/

e - ISSN 2550 - 1585

TADLÔS DI SISI MU×AMMAD IBN ×IBBÓN (W. 354 H.): SATU KAJIAN PERBANDINGAN

Mohd Nor Adli bin Osman & Muhammad Rozaim bin Ramle

Faculty of Science and Humanities, Sultan Idris Education University, 35900
Tanjung Malim, Perak. Telp.: 017-2680896. Email: adliosman7726@yahoo.com

Abstrak

al-TadlÊs adalah keadaan seorang perawi meriwayatkan sesebuah hadis yang tidak didengarinya dengan menggunakan lafaz yang seolah membayangkan dia mendengarnya secara langsung. Perawi yang melakukan al-tadlÊs dikenali sebagai al-mudallis, manakala riwayat itu dikenali dengan al-mudallas. Ia adalah merupakan salah satu cabang dalam pembahagian hadis daif yang ringan. Kajian ini bertujuan untuk melihat definisi al-tadlÊs yang dipegang oleh Imam Ibn ×ibbÊn. Hakikatnya terdapat perbezaan pandangan dalam kalangan golongan al-MutaqaddÊmin dan al-Muta'akhhirÊn ketika mendefinisikan istilah al-tadlÊs. Justeru itu, kajian ini akan membandingkan pandangan kedua-dua golongan ini dan melihat juga pandangan di sisi Ibn ×ibbÊn. Kajian ini menggunakan kajian kualitatif berbentuk analisis dokumen. Hasil kajian mendapati bahawa pengertian TadlÊs al-IsnÊd yang dipegang oleh Ibn ×ibbÊn adalah seperti pandangan yang dipegang oleh golongan al-MutaqaddimÊn. Justeru itu, golongan ini tidak membezakan definisi Mursal al-KhafÊ dan TadlÊs al-IsnÊd. Adapun pada TadlÊs al-ShuyËkh dan TadlÊs al-TaswËyah tidak terdapat perbezaan dalam kalangan mereka. Ilmu ini menzahirkan terdapat beberapa pandangan dalam kalangan para sarjana dalam memahami TadlÊs al-IsnÊd. Selain itu, kajian ini dapat memahami beberapa syarat oleh Ibn ×ibbÊn ketika meletakkan riwayat-riwayat al-mudallas dalam kitab Sahihnya.

Kata kunci: *Ibn ×ibbÊn, al-TadlÊs, al-Mudallis, al-Mudallas, Hadis*

**(TADLÔS IN SIDE OF MU'AMMAD IBN 'IBBÛN (D. 354 H.): A
COMPERATIVE STUDY)**

Abstract

al-TadlÊs was a hadith narrator person who spread the word of hadiths that were not told to him directly but used words that give the assumption that he was present when the hadiths were made. A narrator who committed an *al-TadlÊs* is known as an *al-Mudallis*, while the narrated hadith text itself is called as an *al-Mudallas*. It is one of the branches of weak hadiths. The purpose of this research is to study the definition of *al-TadlÊs* coined by Imam Mu'ammad ibn 'ibbÛn. In fact, there exists a difference in understanding as well as perspectives on the definition of *al-TadlÊs* between *al-MutaqaddimÛn* and *al-Muta'akhhirÛn*. Thus, this study will focus on the comparison made between the perspectives of both groups as well as the opinions formed by Imam Ibn 'ibbÛn. This study will be conducted via qualitative research and the findings will be used to form a document analysis. The research findings showed that the definition of *al-TadlÊs* made by Ibn 'ibbÛn is similar to *al-MutaqaddimÛn*. However, they do not differentiate the definitions of Mursal *al-KhafÊ* and *TadlÊs al-IsnÊd* since it is found that both *TadlÊs al-ShuyÛkh* and *TadlÊs al-TaswiyÛh* have no significant differences to be discussed. This field of study has highlighted the different understandings on the matter that exist among hadith scholars in comprehending the concept of *TadlÊs al-IsnÊd*. Besides, the research aims to give an in-depth understanding on several conditions made by Ibn 'ibbÛn in his decision to include *al-Mudallas* hadiths in his book of verified hadiths.

Keywords: *Ibn 'ibbÛn, al-TadlÊs, al-Mudallis, al-Mudallas, Hadith*

Received: February 8, 2018

Accepted: May 30, 2018

Online Published: June 30, 2018

1. Pendahuluan

Al-TadlÊs adalah salah satu pecahan dari hadis *la'Êf*. Untuk menentukan sesebuah hadis itu *al-tadlÊs*, perkara utama yang perlu difahami oleh setiap para pengkaji adalah definisinya. Ramai para ilmuwan hadis sama ada dari golongan *al-MutaqadimÛn* dan *al-Muta'akhhirÛn* membuat analisa secara terperinci pada sanad hadis bagi menjelaskan pendefinisian dan perbandingan antara beberapa masalah yang berkaitan dengan *al-tadlÊs*.

Maka seiring dengan itu, mereka meletakkan beberapa syarat penting untuk menentukan *al-tadlÊs* berlaku pada sanad. Walaupun begitu, terdapat sedikit perbezaan dalam kalangan mereka untuk menentukan syarat tersebut. Malah yang lebih utama adalah melihat definisi yang dipegang oleh Mu'ammad ibn 'ibbÛn (w. 354 H.) ketika beliau berinteraksi dengan ilmu *al-tadlÊs*, sama ada terdapat perbezaan dalam kalangan sarjana yang lain atau sebaliknya.

Selain itu, terdapat beberapa riwayat *al-mudallas* dalam *ṢaīĒĪnya*, justeru kajian ini juga akan mencari beberapa syarat yang telah ditetapkan oleh Ibn ṡibbĒn ketika memasukkan riwayat-riwayat *al-mudallas*. Supaya tidak terdapat perbezaan metodologi yang telah ditetapkan oleh beliau pada ketiga-tiga kitabnya, iaitu *ŌaĪĒĪ Ibn ṡibbĒn*, *al-MajrĒĪĒn min al-MuĪaddithĒn* dan *al-ThiqĒt*.

2. Definisi *al-TadlĒs*

Pada sudut bahasa ianya disebut sebagai mewujudkan kegelapan, iaitu tidak menampakkan penyamaran, menyembunyikan memperdaya dan tidak menampakkan pembohongan. Pengertian yang sama juga turut dinyatakan di dalam kitab *Muĵam MuqĒyis al-Lughah* (AbĒ al-HusaĒn Ahmad, 1979: 296). Demikian juga telah disebut oleh beberapa kitab *muĵam* hadis yang bermaksud menyembunyikan sesuatu keaiban atau disebut juga sebagai suatu bentuk penyamaran (Sayyid Ābd al-Majid al-GhaurĒ, 2012: 151).

Umumnya mengetahui riwayat yang terputus dapat dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu terputus secara zahir dan terputus secara *khafĒ* (Ĥātim ibn ĀrĒf al-ĀĒnĪ, 1997: 39). Adapun yang dimaksudkan secara zahir ialah apabila dapat dibuktikan bahawa kedua-dua perawi itu tidak hidup sezaman dan berada dalam rangkaian sanad secara berturut. Manakala sanad terputus secara *khafĒ* dapat dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu *al-tadlĒs* dan *al-Mursal al-KhafĒ*.

ĀĪmad bin ĀĪĒ bin MuĪammad (w. 852 H.) mendefinisikan *al-tadlĒs* (Ibn ṡajar, 1980: 16):

“Seseorang perawi telah berjumpa dengan gurunya dan tidak mendengar riwayat yang diriwayatkan itu dan perawi tersebut meriwayatkan riwayat tersebut menggunakan lafaz yang ragu-ragu.”

Selain itu, menurut AbĒ FaĪl ĪyĒĪh ibn MĒsĒ (w. 544 H.) (ĪthmĒn, 1986: 230):

“Gelaran yang diberikan oleh para imam ahli hadis berkenaan kesamaran sebahagian riwayatnya dan tujuan yang berbeza.”

Demikian juga menurut NĒr ad-DĒn MuĪammad ṡasan Ītir:

“Suatu bentuk penyamaran pada sanad hadis atau riwayatnya”

Pengertian-pengertian tersebut adalah pengertian secara umum yang menggambarkan bentuk kesamaran yang berlaku pada

sesebuah sanad. Adapun pengertian yang diberikan oleh Ibn xajar adalah pengertian yang mashyur dalam kalangan *al-Muta'akhhirÊn* ketika mendefinisikan *TadlÊs al-IsnÊd* (AbÊ 'Abd Allah Mu'ammad, 1963: 4). Perkara yang sama juga ketika mendefinisikan *al-Mursal al-KhafÊ*, dan ianya juga adalah pandangan yang mashyur dalam kebanyakan kitab-kitab *al-Mu'alla' al-xadÊth* adalah perawi meriwayatkan hadis dari perawi yang hidup sezaman tetapi tidak pernah bertemu ataupun mereka berdua bertemu tetapi tidak pernah mendengar hadis (al-SuyÊÊ, 1979: 223).

3. Bahagian *TadlÊs*

Secara umumnya *al-tadlÊs* telah dibahagikan kepada dua bahagian yang utama, iaitu *TadlÊs al-IsnÊd* dan *TadlÊs al-ShuyÊkh*. Inilah juga yang telah disebut oleh kebanyakan para sarjana hadis seperti AbÊ ZakaryÊ Ma'yu ad-DÊn an-NawÊwÊ (w. 676 H.), AbÊ Bakar A'mad bin 'AlÊ al-BaghdÊdÊ (w. 463 H.), UthmÊn bin 'Abd al-Ra'man (w. 643 H.), Ibn KhathÊr, Siraj al-DÊn AbÊ xaf' 'Umar bin 'AlÊ (w. 804 H.) (AbÊ 'AmrÊ UthmÊn, 1986: 73; A'mad Mu'ammad ShÊkir, 1994: 75; al-Kha'Êb al-BaghdÊdÊ, 1938: 355; (SirÊj al-DÊn 'Umar, 1993: 154) dan selainnya. Tetapi ZaÊn al-DÊn AbÊ al-Fa' al-'Abd al-Ra'mÊn bin xusaÊn (w. 806 H.) membahagikan *al-tadlÊs* kepada tiga bahagian, iaitu dengan menambahkan *TadlÊs al-TaswÊyÊh* berada pada pengertian yang tersendiri (Al-'IrÊqÊ, 1980: 95).

Walaupun begitu pembahagian *TadlÊs al-Qa''*, *TadlÊs al-Øighah*, *TadlÊs al-TaswÊyÊh*, *TadlÊs al-'A'f*, *TadlÊs al-IrsÊl*, *TadlÊs al-Mutaba'Êt* dan *TadlÊs al-BuldÊn*, sebahagian kitab-kitab meletakkannya di bawah pengertian *TadlÊs al-IsnÊd*. Justeru itu, perbahasannya jarang dibahaskan oleh mana-mana kitab *al-Mu'alla' al-xadÊth*. Oleh itu, perbahasannya tidak begitu dikenali (Muhammad Rozaimi Ramle dan Sahul Hamid, 2016: 129).

Penulis juga bersetuju membahagikan *al-tadlÊs* ini kepada tiga bahagian seperti pandangan al-'IrÊqÊ. Ini kerana *TadlÊs al-TaswÊyÊh* mempunyai permasalahan yang berbeza dengan *al-tadlÊs* yang lain iaitu *al-tadlÊs* ini menfokuskan kepada perawi yang meriwayatkan hadis daripada gurunya kemudian mengugurkan perawi yang *la'Êf* diantara dua orang perawi yang *thiqah*, dan kedua-dua perawi *thiqah* tersebut pernah bertemu di antara mereka. Selain itu, terdapat beberapa perawi hadis yang terkenal melakukannya antaranya seperti al-WalÊd bin Muslim (w. 195 H.).

3.1 *TadlÊs al-IsnÊd*

Al-TadlÊs jenis ini adalah *al-tadlÊs* yang paling dikenali dalam pembahagian *al-tadlÊs*. Kebanyakan para perawi yang melakukan *al-tadlÊs* berada pada *al-tadlÊs* jenis ini umpamanya SulaÊmÊn bin MahrÊn al-A‘mash (w. 148 H.), QatadÊh bin Di‘Êmah (w. 117 H.), al-Ĥasan bin al-‘asan al-BaÊrÊ (w. 110 H.), ‘Abd al-MÊlik bin ‘Abd al-‘AzÊz bin JuraÊj (w. 149 H.), ‘abÊb bin AbÊ ThÊbÊt (w.119 H.). Menurut Ibn ØalÊÍ (w. 643 H.), beliau mendefinisikan *TadlÊs al-IsnÊd* kepada dua (AbÊ ‘AmrÊ ‘UthmÊn, 1986: 73):

a) Perawi yang meriwayatkan daripada perawi yang bertemu dengannya tetapi perawi tersebut tidak mendengar riwayat darinya (Al-BaÊhaqÊ, 1989: 18). Contohnya:

أخبرنا أبو عبد الله الحافظ ، حدثنا أبو العباس محمد بن يعقوب ، حدثنا أحمد بن عبد الجبار ، حدثنا أبو معاوية ، عن الأعمش ، عن مجاهد ، عن طاووس ، عن ابن عباس ، قال : مر رسول الله صلى الله عليه وسلم بقبرين ، فقال : إنهما ليعذبان ، وما يعذبان في كبير ، أما أحدهما فكان يمشي بالنميمة ، وأما الآخر فكان لا يستتره من البول قال : ثم أخذ جريدة رطبة فشققها نصفين ، ثم جعل في كل قبر واحدة ، قالوا : يا رسول الله ، لم فعلت هذا ؟ فقال : لعلهما أن يخفف عنهما ما لم يبساقوله صلى الله عليه وسلم : لا يستتره من البول يعني : لا يستبرئ منه

b) Perawi yang hidup sezaman dengan perawi lain dan perawi tersebut tidak pernah bertemu dengannya, perawi tersebut meriwayatkan dalam keadaan ragu-ragu seolah-olah ia pernah bertemu dan mendengar riwayat dari perawi tersebut (al-BaÊhaqÊ, 1989: 499). Contohnya:

أخبرنا أبو علي الحسين بن محمد الروذباري ، وأبو عبد الله الحسين بن عمر بن برهان ، وأبو الحسين بن الفضل القطان ، وأبو محمد السكري ، قالوا : حدثنا إسماعيل بن محمد الصفار ، حدثنا الحسن بن عرفة ، حدثني عيسى بن يونس بن أبي إسحاق ، عن ابن جريج ، عن أبي الزبير ، عن جابر بن عبد الله

Berdasarkan contoh di atas, kebanyakan kitab *'illal al-hadīth*, seperti *'illal al-DÉraqūṭnĒ* (al-DÉraqūṭnĒ, 1985: 142) mengatakan kedua-dua perawi ini tidak pernah mendengar antara satu dengan lain. Manakala keadaan kedua, perawi meriwayatkan daripada perawi yang pernah bertemu dengannya tetapi perawi tersebut meriwayatkan sesuatu riwayat yang dia tidak dengar darinya. Contohnya:

أخبرنا أبو عبد الله الحافظ ، حدثنا أبو العباس محمد بن يعقوب ، حدثنا أحمد بن عبد الجبار ، حدثنا أبو معاوية ، عن الأعمش ، عن مجاهد ، عن طاووس ، عن ابن عباس ، قال : مر رسول الله صلى الله عليه وسلم بقرين ، فقال : إنهما ليعذبان ، وما يعذبان في كبير ، أما أحدهما فكان يمشي بالنميمة ، وأما الآخر فكان لا يستنزه من البول قال : ثم أخذ جريدة رطبة فشقها نصفين ، ثم جعل في كل قبر واحدة ، قالوا : يا رسول الله ، لم فعلت هذا ؟ فقال : لعلهما أن يخفف عنهما ما لم يبساقوله صلى الله عليه وسلم : لا يستنزه من البول يعني : لا يستبرئ منه

SulaĒmĒn bin MahrĒn al-A‘mash (w. 148 H.) dan MujĒhid bin JabĒr (w. 104 H.) kedua-dua mereka pernah meriwayatkan dengan lafaz *taĒrĒī bi sama'*, salah satunya di dalam *al-Sunan al-KubrĒ*, nombor hadis 6747 dan 1332. Tetapi contoh yang penulis nyatakan di atas adalah menunjukan bahawa kedua-dua perawi ini tidak pernah mendengar riwayat tersebut. Tetapi menurut golongan *al-Muta'akhirĒn*, hanya menggunakan definisi ini sebagai pengertian *al-tadlĒs*.

Pengertian ini adalah berbeza dengan pengertian yang telah dibawa oleh Ibn xajar. Umumnya beliau tidak mensyaratkan setiap perawi itu perlu dibuktikan pernah bertemu pada setiap riwayat, tetapi cukup sekadar sekali sahaja dapat dibuktikan mereka pernah bertemu dengan gurunya untuk menafikan berlaku *al-tadlĒs* dalam sesebuah riwayat oleh perawi *al-mudallĒs*, walaupun salah satu syarat bagi golongan *al-MutaqaddimĒn* adalah tidak berlaku pertemuan di antara dua orang perawi walaupun mereka hidup sezaman.

Salah seorang golongan *al-MutaqaddimĒn* adalah al-ShĒfĒ'Ē. Menurut metodologi yang telah ditetapkan oleh beliau berkaitan penerimaan riwayat *al-mudallas* adalah (Muhammad bin Idris, 1937: 371):

بريا من أن يكون مدلسا: يحدث عن من لقي ما لم يسمع منه

“*Sesuat u riwayat tersebut perlu selamat dari perawi al-mudallas: yang menceritakan daripada perawi yang pernah bertemu dengannya dan meriwayatkan hadis yang tidak pernah didengarnya*”

Berdasarkan ini, pengertian *al-mudallÊs* menurut pandangan al-ShÊfÊ‘î adalah seseorang perawi menceritakan daripada perawi yang pernah bertemu dengannya dan meriwayatkan hadis yang tidak didengarnya. Menurut al-ShÊrÊf ×atim bin ‘ArÊf al-‘AËnÊ (1997: 75) definisi inilah yang digunakan oleh Ibn ×ajar bagi menjustifikasikan pandangan beliau itu senada dengan apa yang telah diutarakan oleh al-ShÊfÊ‘î.

Secara zahirnya, beliau meletakkan definisi *TadlÊs al-IsnÊd* adalah perawi tersebut pernah bertemu di antara satu dengan yang lain. Walaupun begitu, al-ShÊrÊf ×atim bin ‘ArÊf al-‘AËnÊ (1997: 75) telah menilai perkara ini dari sudut yang berbeza. Menurut beliau yang dimaksudkan oleh al-ShÊfÊ‘î itu, adalah perawi meriwayatkan daripada perawi yang hidup sezaman tetapi tidak mendengar secara langsung. Oleh itu, menurut beliau, al-ShÊfÊ‘î tidak menghadkan *al-tadlÊs* kepada perawi yang pernah berjumpa dengan perawi lain sahaja. Dengan kata lain, al-ShÊfÊ‘î hanya memberikan salah satu contoh *TadlÊs al-IsnÊd* sahaja.

Selain itu, al-BukhÊrÊ yang tergolong dalam kalangan ulama *al-MutaqaddimÊn*, ketika ditanya oleh AbË ‘IsÊ Mu‘ammad bin ‘IsÊ al-TirmidhÊ (w. 275 H.) berkenaan riwayat Sa‘Êd bin AbË ‘ArËbah (w. 156 H.), Al-BukhÊrÊ menyatakan beliau tidak mengetahui bahawa Sa‘Êd bin AbË ‘ArËbah telah mendengar hadis daripada al-A‘mash dan menurut beliau riwayat ini adalah *al-mudallas*.

Imam A‘mad juga mengatakan apabila Sa‘Êd bin AbË ‘ArËbah meriwayatkan daripada al-A‘mash, maka riwayat tersebut adalah *al-mudallas* disebabkan kedua-dua mereka tidak pernah mendengar riwayat antara satu dengan yang lain walaupun mereka hidup sezaman. Sa‘Êd bin AbË ‘ArËbah wafat pada tahun 156 hijrah menurut pandangan al-BukhÊrÊ dan al-A‘mash wafat pada tahun 148 hijrah (al-MizzÊ, 2004: 186). Justeru itu, al-BukhÊrÊ mendefinisikan perawi yang tidak pernah mendengar riwayat dengan perawi lain itu dikenali sebagai riwayat *al-mudallas*.

Demikian juga pada al-BazzÊr, beliau mendefinisikan *al-tadlÊs* (Ibn al-‘AjamÊ, 1976: 13):

قال أبو بكر البزار : ان الشخص إذا روى عن من لم يدركه بلفظ موهم فان ذلك ليس بتدليس
على الصحيح المشهور انتهى

“Telah berkata al-BazzĒr: seseorang apabila meriwayatkan daripada siapa yang dia tidak berjumpa dengan menggunakan lafaz yang ragu-ragu, maka yang demikian itu bukanlah *tadlĒs*, inilah pandangan yang terkenal”

Al-‘IrĒqĒ juga menukilkan definisi al-BazzĒr ini:

أن يروى عن من قد سمع منه ما لم يسمعه منه غير أن يذكر أنه سمعه منه هكذا حده الحافظ أبو بكر أحمد بن عمرو بن عبد الخالق البزار

“Perawi apabila meriwayatkan daripada perawi yang pernah ia dengar daripadanya hadis tetapi hadis yang diriwayatkan itu tidak pernah didengarinya tanpa menyebut perawi tersebut telah mendengar darinya, inilah batasan yang telah diberikan oleh al-‘ĒfiĒ AbĒ Bakar AĒmad bin ‘Amr bin ‘Abd al-KhĒliq al-BazzĒr”

Adapun pada pengertian kedua yang dinuqilkan oleh al-‘IrĒqĒ menampakkan secara zahirnya, al-BazzĒr membezakan antara *al-tadlĒs* dalam pengertian yang kedua ini dengan riwayat yang hidup sezaman tetapi mereka tidak pernah berjumpa. Oleh itu, perbezaan yang kedua inilah yang menjadi perbezaan pandangan antara al-BazzĒr dengan *al-MuĒadithĒn* yang lain.

Namun, menurut sebahagian pengkaji, mereka tidak bersetuju dengan pemahaman Ibn ‘ajar ini. Ini kerana tidak terdapat dalam kalam al-BazzĒr tadi sesuatu yang hanya menghadkan *al-tadlis* pada perawi yang bertemu sahaja (‘atim bin ‘ArĒf al-‘AĒnĒ, 1997: 89). Apa yang jelas ialah al-BazzĒr menyatakan bahawa perawi yang meriwayatkan sesuatu yang dia tidak dengar dari guru yang dia pernah jumpa adalah *al-tadlis*. Ini benar dan tiada siapa nafikan. Tetapi tiada pula dalam nukilan al-BazzĒr menafikan definisi kedua *al-tadlis*. Maka kedua-duanya adalah *al-tadlĒs*.

ii. *Al-Muta`ĒkhirĒn*

Pengertian ini telah dipengang oleh beberapa sarjana dalam golongan *al-Muta`akhĒrĒn* seperti Ibn ‘ajar, AbĒ ‘Abd Allah MuĒammad bin ‘Abd al-RaĒman al-SakhĒwĒ (w. 902 H.), RaĒĒ ad-DĒn MuĒammad bin AĒmad (w. 925 H.) dan lain-lain lagi, mereka mendefinisikan *TadlĒs al-IsnĒd* adalah perawi yang meriwayatkan daripada perawi yang bertemu dengannya tetapi perawi tersebut tidak mendengar

riwayat darinya. Menurut Ibn ʿajar (2011: 105) *ʿUdlÊs al-IsnÊd* adalah:

والفرق بين المدلس والمرسل الخفي دقيق حصل تحريره بما ذكر هنا : وهو أن التدليس يختص بمن

روى عن عرف لقاؤه إياه ، فأما إن عاصره ولم يعرف أنه لقيه ؛ فهو المرسل الخفي

Perbezaan di antara al-Mudallas dengan al-Mursal al-KhafÊ adalah sangat halus terhasil perbezaannya dengan apa yang disebut di sini: iaitu sesungguhnya al-tadlÊs adalah dikhususkan kepada perawi yang meriwayatkan daripada yang diketahui perawi tersebut telah berjumpa dengan perawi di atasnya, adapun apabila perawi tersebut hidup sezaman dengannya tetapi tidak diketahui perawi tersebut pernah berjumpa maka itu adalah pengertian al-Mursal al-KhafÊ.

Justertu itu, kitab-kitab yang ditulis oleh para ulama *al-Muta'akhirÊn* mendefinisikan perlu ada pertemuan di antara perawi, tidak hanya sekadar mereka hidup sezaman dan pengertian inilah yang terkenal pada zaman kini. Bagi membuktikan berlaku pertemuan antara perawi adalah dapat dibuktikan mereka pernah meriwayatkan hadis secara langsung.

Terdapat beberapa contoh perawi untuk menggambarkan pengertian yang diberikan oleh Ibn ʿajar dan ianya telah disebut di dalam kebanyakan kitab hadis. Antaranya al-Aʿmash dan contohnya penulis telah nyatakan pada bahagian yang lalu, beliau terkenal banyak melakukan *al-tadlÊs*. Telah dinyatakan oleh beberapa ahli *nuqqÊd* hadis, al-Aʿmash telah banyak meriwayatkan daripada MujÊhid riwayatnya yang telah diklasifikasikan sebagai *al-tadlÊs* disebabkan riwayat yang dinilai sebagai *al-tadlÊs* itu tidak pernah didengarinya. Walaupun begitu, terdapat juga beberapa riwayat yang membuktikan al-Aʿmash dan MujÊhid pernah bertemu disebabkan terdapat riwayat yang menggunakan lafaz " سمعت " , antaranya seperti yang diriwayatkan didalam Kitab *ŒaÍÊÍ Ibn KhuzaÊmah* nombor hadis 56 dalam bab *al-TuÍfaŒ min al-BaÊl KaÊ LÊ YuÍÊb al-Badn wa al-ThÊÊb wa al-TaglÊŒ fÊ Taraka Ghaslahu IzÊ AÍÊba al-Badn wa al-ThÊÊb* (Ibn KhuzaÊmah, 2003: 73).

Ibn ʿajar (2001: 105) berpandangan, beliau sependapat dengan al-KhaÍÊb al-BaghdÊdÊ dalam mendefinisikan *TadlÊs al-IsnÊd* menerusi kenyataan:

ومن باشتراط اللقاء في التدليس الإمام الشافعي وأبو بكر البزار وكلاماخطيب في الكفاية

“Yang meletakkan syarat perlu terdapat pertemuan didalam pengertian *al-tadlĒs* adalah *ImĒm al-ShĒfĒĒ*, *AbĒ Bakar al-BazzĒr* dan kata-kata dari *al-KhaĒĒb* di dalam *al-KifĒyah*”

Tetapi perkara ini telah dinafikan oleh pengkaji moden seperti *Al-ShĒrĒf* *×atim bin ‘ArĒf al-‘AĒnĒ*, berdasarkan kepada penilaian perawi *Al-×ajĒĒ bin ArĒot* (w. 149 H.), yang telah dinilai terlebih dahulu oleh beberapa ahli *nuqqad* yang lain, seperti *IbrĒĒm bin Ya`qĒb al-JauzajĒnĒ* (w. 872 H.) yang mengatakan perawi ini telah meriwayatkan daripada golongan yang tidak pernah bertemu dengannya seperti *AbĒ Bakar MuĒammad bin Muslim al-ZuhrĒ* (w. 125 H.) dan telah dinyatakan dalam *Kitab TĒrĒkh al-BaghdĒdĒ*. Perlu diketahui juga pengertian *TadlĒs al-IsnĒd* menurut *al-KhaĒĒb al-BaghdĒdĒ* (1938: 22) adalah:

المُدَلِّسُ رَوَايَةَ الْخَدِيثِ عَنْ عَاصِرِهِ وَلَمْ يَلْقَهُ فَيَتَوَهَّمُ أَنَّهُ سَمِعَ مِنْهُ أَوْ رَوَيْتَهُ عَنْ مَنْ قَدْ لَقِيَهُ مَا لَمْ يَسْمَعِهِ مِنْهُ هَذَا هُوَ التَّدْلِيسُ فِي الْإِسْنَادِ

Al-Mudallas adalah *al-muĒadith* yang meriwayatkan daripada sesiapa yang hidup sezaman dengannya dan tidak pernah bertemu dengannya maka dia meriwayatkan seolah-olah pernah mendengar daripadanya ataupun meriwayatkan daripada sesiapa yang pernah bertemu dengannya tetapi tidak pernah mendengar riwayat daripadanya inilah pengertian *al-tadlĒs* di dalam *al-IsnĒd*

Oleh itu, berdasarkan kedua-dua golongan ini, *Ibn ×ajar* telah membezakan antara *al-Mursal al-KhafĒ* dan *TadlĒs al-IsnĒd*. Sedangkan golongan *al-MutaqaddimĒn* dan sebahagian golongan *al-Muta’akhirĒn* mereka tidak membezakan di antara kedua-dua istilah ini.

3.2 *TadlĒs al-ShuyĒkh*

Takrif secara umum *TadlĒs al-ShuyĒkh* adalah seseorang perawi meriwayatkan sesebuah hadis dari gurunya dan telah mendengar riwayat tersebut dari gurunya. Kemudian perawi tersebut telah menamakan, memberi gelaran, menisbahkan atau menyifatkan gurunya itu dengan gelaran yang tidak dikenali (*AbĒ ‘AmrĒ ‘UthmĒn*, 1986: 73).

Oleh itu, berdasarkan pengertian ini, seseorang perawi itu menyembunyikan nama gurunya yang sebenar supaya tidak dikenali disebabkan keĒa’Ēfan guru tersebut. Takrif yang sama juga diberikan

kepada *TadlĒs al-Asma'* ('Abd Allah bin YĒsuf al-JĒdaĒ, 2003: 228). Malahan terdapat juga pandangan yang mengatakan *TadlĒs al-ShuyĒkh* ini adalah *TadlĒs al-TaswĒyĒh*, menurut pandangan Ibn xajar yang telah dinaqalkan pandangan tersebut oleh ImĒm al-SuyĒĒĒ (1979: 228). Terdapat beberapa perawi yang sering melakukan *TadlĒs al-ShuyĒkh*, antara mereka adalah BaqĒyah bin al-WalĒd (w. 197 H.), AbĒ Bakar MujĒhid ImĒm al-MuqrĒ (w. 324 H.), Ibn JuraĒj dan seumpamanya.

Bagi menggambarkan pengertian yang telah penulis nyatakan, terdapat beberapa contoh yang disebut oleh kebanyakan kitab hadis. Salah satunya yang telah dilakukan oleh Ibn JuraĒj pada sanad berikut (al-DĒruqūnĒ, 1985: 318):

جحادة، عن ابن جريح، عن إبراهيم بن محمد بن أبي عطاء، عن موسى بن وردان، عن أبي هريرة، عن النبي صلى الله عليه وسلم : "من مات مريضا مات شهيدا".

Hadis ini diriwayatkan didalam beberapa kitab hadis, antaranya *Mu`jam al-AwĒlĒh* nombor hadis: 5262, *Mu`jam al-KabĒr li ŪobarĒ* nombor hadis:1304, *Ibn MĒjah* nombor hadis: 1615, *Musnad Abi Ya`lĒ* nombor hadis: 6145, *Musnad al-BazzĒr* nombor hadis: 8775. Kesemua sanad ini bertemu dari Ibn JuraĒj dari IbrahĒm bin Muhammad bin Abi 'Atta'.

Dikatakan IbrĒhĒm bin MuĒammad bin AbĒ 'AĒĒĒ' adalah IbrĒhĒm bin AbĒ 'Ōlim, menurut al-BukhĒrĒ dan menurut AbĒ xĒtim (w. 277 H.) nama perawi tersebut adalah IbrĒhĒm bin MuĒammad bin AbĒ YaĒyĒ (Ibn xajar, 1995: 227). Ini menjadi gambaran terhadap *TadlĒs al-ShuyĒkh* yang telah dilakukan oleh Ibn JuraĒj disebabkan perawi tersebut telah dikritik oleh kebanyakan ahli *nuqqĒd*.

3.3 *TadlĒs al-TaswĒyĒh*

Umumnya mengetahui *al-tadlĒs* jenis ini juga sering berlaku didalam beberapa kitab hadis dan sering diulas permasalahan tersebut oleh beberapa tokoh hadis. Oleh itu, dalam membincangkan permasalahan berkaitan dengan *TadlĒs al-TaswĒyĒh*, terdapat beberapa perawi hadis yang sememangnya terkenal melakukan *al-tadlĒs* ini. Antaranya adalah al-WalĒd bin Muslim dan BaqĒyah bin al-WalĒd (w. 197 H.)

Kebanyakan kitab *al-MuĒĒlalĒ al-xadĒth* mendefinisikan *TadlĒs al-TaswĒyĒh* adalah perawi yang meriwayatkan hadis

daripada gurunya kemudian mengugurkan perawi yang daif di antara dua orang perawi yang *thiqah*, dan kedua-dua perawi *thiqah* tersebut pernah bertemu diantara mereka (Ibn ʿajar, 2000: 42). Justeru itu, para pengkaji melihat secara zahirnya dalam sanad hadis tersebut seperti tidak terdapat sebarang kecacatan. Ini disebabkan kesemua perawi dalam sanad itu bersambung secara zahirnya.

Justeru itu, adalah menjadi satu kemestian kepada setiap para pengkaji untuk meneliti dan menganalisa setiap sanad khususnya sekiranya terdapat perawi yang terkenal dan sering melakukan *TadlĒs al-TaswĒyĒh*. Sebagai contohnya, Al-WalĒd bin Muslim telah dikenal pasti sering melakukan *TadlĒs al-TaswĒyĒh* apabila meriwayatkan dari ‘Abd al-RaĒman bin ‘AmrĒ (w. 157 H.) atau lebih dikenali dengan gelaran al-AĒza`Ē. Tidak dapat dinafikan Imam al-BukhĒrĒ dan ImĒm Muslim (w. 260 H.) telah memasukkan perawi ini dalam kitab *ĪaĒĒ* mereka. Riwayat tersebut adalah (Ibn ʿajar, 2004: 401):

حدثنا إسحاق بن إبراهيم, أخبرنا الوليد بن مسلم, عن الأوزاعي, عن الزهري, عن سالم, عن أبيه رضي الله عنه, قال: " رأيت الذين يشترون الطعام مجازفة يضربون على عهد رسول الله صلى الله عليه وسلم أن يبيعوه حتى يؤروه إلى رحالهم "

Demikian juga terdapat dalam *ØaĒĒ Muslim* (al-NawĒwĒ, 2001: 498):

حدثنا إسحاق بن إبراهيم, أخبرنا الوليد بن مسلم, عن الأوزاعي, عن يحيى بن أبي كثير, حدثني إبراهيم بن قارظ, عن السائب بن يزيد, حدثني رافع بن خديج, عن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: " ثمن الكلب خبيث ومهر البغي خبيث وكسب الحمام خبيث "

Dalam hal ini para ulama hadis, mereka berbeza pandangan untuk menguruskan perawi-perawi *al-tadlĒs* dalam *al-ØaĒĒĒĒ* (‘AwwĒd al-Khalaf, 2001: 24):

Pandangan Pertama:

Pandangan ini mengatakan riwayat tersebut adalah *ĪaĒĒ* dan bersambung, disebabkan riwayat ‘an pada *al-tadlĒs* tersebut dapat dibuktikan perawi tersebut mendengar pada riwayat yang lain, demikian pandangan ini telah dinyatakan oleh Ibn ØolĒĒ, an-

Nawâwî, al-Quṣṣab al-ḥalabî (w. 735 H.) dan Ḍolâḥ al-Dîn Abî Sa'îd Khalîl bin Kaḥkaladî al-'Alîî (w. 761 H.).

Pandangan Kedua:

Taqî al-Dîn Muḥammad bin 'Alî (w. 702 H.), Mîlik bin 'Abd ar-Raḥmān (w. 699 H.), Muḥammad bin Ismîl al-Ḍan'î (w. 1182 H.) dan Ibn ḥajar, menggunakan hadis-hadis *al-mudallas* di dalam *Kitab Ḍaḥī al-Bukhārî* dan *Kitab Ḍaḥī Muslim*, sama seperti menggunakan riwayat-riwayat *al-mudallas* selain dari dua kitab tersebut

Permasalahan ini telah di bahas oleh pengkaji masa kini iaitu Dr. 'Awwâd al-Khalaf dalam kajiannya yang berjudul *Riwayât al-Mudallisîn fî Ḍaḥī al-Bukhārî Jam'uh Takhrîjuh al-Kalîm 'Alaḥî*. Menurut Sheḥ Taqî al-Dîn al-Daqîq (w. 702 H.), dan dinaqalkan juga ungkapan ini di dalam *Tauḥī al-Aḥḥer Sharaḥ Tanqîh al-Anḍîr* (Ibn ḥajar, 1984: 635):

"وهذه إحالة على جهالة وإثبات أمر بمجرد الاحتمال, وإما أن يدعى أن الاجماع على صحة ما في الكتابين دليل على وقوع السماع في هذه الأحاديث, وإلا لكان أهل الاجماع مجمعين على الخطاء وهو ممنوع"

"Ini berdasarkan kepada kejahilan dan menetapkan sesuatu semata-mata dengan keberangakalian. Barangkali juga didakwakan sesungguhnya ijmak yang berlaku menyatakan bahawa kandungan kedua-dua kitab (*Ḍaḥī al-Bukhārî* dan *Ḍaḥī Muslim*) menjadi dalil yang menunjukkan bahawa berlaku sama pada *Īad'Es-Īad'Es* ini. Jika tidak sudah pasti ahli ijmak telah berijmak ke atas perkara yang salah dan ia terlarang"

Walaupun begitu, terdapat beberapa perawi lagi yang melakukan *Tadl'Es al-Tasw'ÿÿh* dan tidak hanya terbatas kepada perawi yang penulis nyatakan seperti 'Abd al-Raḥmān bin Ziyâd al-Iḥḥî. Justeru itu, inilah contoh bagi menggambarkan keadaan *Tadl'Es al-Tasw'ÿÿh* yang berlaku dalam periwayatan beberapa kitab hadis. Perbuatan seumpama ini adalah perbuatan yang dilarang disebabkan mereka berdusta bagi menampakkan kecantikan pada sesebuah sanad dengan menyembunyikan perawi yang telah dijarahkan oleh ahli *nuqq'Ed*.

4. Hukum Meriwayatkan Riwayat *al-Tadl'Es*

Umumnya perbuatan *al-tadlĒs* itu adalah dilarang dan telah kritik oleh segolongan para ulama silam seperti ×amĒd bin ZiyĒd (w. 179 H.), `Abd Allah bin al-MubĒrak (w. 181 H.), SulaĒmĒn bin DĒĒd al-MunqarĒ (w. 130 H.) dan sebagainya (‘Abd al-MĒjid al-GhaĒrĒ, 2009: 43). Sehingga Shu`bah bin al-×ajjĒj (w. 160 H.) mengatakan *al-tadlĒs* itu adalah saudara kepada berdusta (Ibn Rejab, 2008: 217). Oleh itu, apabila seseorang itu meriwayatkan riwayat-riwayat *al-tadlĒs*, maka ianya tidak terlepas dari hukum-hukum periwayatan yang akan dijelaskan.

Maka untuk menghuraikan permasalahan ini para ulama` telah berbeza pandangan bagi menerima riwayat-riwayat *al-tadlĒs*. Berikut pandangan para ulama:

Pertama: Riwayat-riwayat tersebut diterima secara mutlak (×Ētim bin `ArĒf al-`AĒnĒ, 1997: 220), penerimaan riwayat tersebut adalah samada perawi tersebut jelas mendengar ataupun sebaliknya (AwwĒd al-Khalaf, 2001: 23).

Kedua; Riwayat-riwayat tersebut ditolak secara mutlak, dan tidak diterima riwayat-riwayat ‘*an`anah* sehingga mereka jelas mendengar, penetapan hukum ini juga digunakan pada pengertian *TadlĒs al-IsnĒd* disisi Ibn ×ajar (×Ētim bin ‘ArĒf al-`AĒnĒ, 1997: 220). Perlu diketahui bahawa penetapan hukum pada bahagian inilah yang sangat dikenali.

Ketiga; Tidak diterima riwayat ‘*an`anah* bagi perawi yang meriwayatkan dari perawi yang hidup sezaman, sehingga terbukti perawi tersebut bertemu pada zaman tersebut. Oleh itu, cukup dapat dibuktikan terdapat satu riwayat bahawa seseorang perawi tersebut mendengar dari perawi lain pada zaman tersebut.

Walaupun begitu, ImĒm AĒmad, beliau *tawaqĒf* dalam menerima riwayat-riwayat seumpama ini (Ibn Rejab, 2008: 217):

وأما الإمام أحمد فتوقف في المسألة ، قال أبو داود : سمعت أحمد سئل عن الرجل يعرف

بالتدليس في الحديث يحتج فيما لم يقل فيه : حدثني أو سمعت ؟ قال : لا أدري

“Adapun ImĒm AĒmad, beliau *tawĒquf* dalam masalah ini, AbĒ DĒĒd telah berkata: aku telah mendengar seseorang bertanya kepada AĒmad (bin ×anbal) adakah beliau mengetahui *al-tadlĒs* dan

berhujah apabila tidak menggunakan lafaz, حدثني atau سمعت? Maka kata beliau; “aku tidak tahu”

Justeru itu, untuk menguruskan perawi *al-mudallis* yang banyak meriwayatkan riwayat-riwayat *al-tadlĒs* perlu dilihat kepada dua bahagian (×Ētim bin ‘ArĒf al-‘AĒnĒ, 1997: 222):

Pertama: tidak diterima riwayat-riwayat ‘*an`anah* selagi mana tidak dapat dibuktikan perawi tersebut telah bertemu dengan gurunya. Dalam hal ini, berbagai istilah yang digunakan bagi menggambarkan tentang hal ini, contohnya لا أعرف له سماعا من فلان ,

Kedua; riwayat-riwayat ‘*an`anah* diterima selepas dibuktikan perawi itu berjumpa dengan gurunya secara keseluruhan (×Ētim bin ‘ArĒf al-‘AĒnĒ, 1997: 224). Apabila seseorang perawi banyak meriwayatkan riwayat-riwayat *al-tadlĒs* dalam konteks yang kedua ini, perlu dibuktikan perawi itu mendengar dan berjumpa dengan gurunya pada hadis-hadis yang lain

5. Jenis-jenis *Tadlis* Di Sisi Ibn ×ibbĒn

Al-TadlĒs dalam Bahasa Arab diambil kata akar *al-dalas* yang bermaksud tertutup dan gelap (AbĒ ×usaĒnĒ; 1979: 296). Pada istilah ilmu hadis, definisi *al-tadlĒs* berbeza mengikut jenis-jenisnya. Ibn ×ibbĒn menjelaskan dalam sebahagiannya karyanya isu *al-tadlĒs* dan jenis-jenisnya. Penulis akan menjelaskan dalam sub topik ini jenis-jenis *al-tadlis* di sisi Ibn ×ibbĒn dengan membawakan kalam beliau dalam karyanya. Antara *al-tadlĒs* yang Ibn ×ibbĒn nyatakan dalam karyanya ialah:

5.1 *TadlĒs al-IsnĒd*

TadlĒs al-IsnĒd ialah perawi yang meriwayatkan daripada perawi yang hidup sezaman tetapi mereka tidak pernah bertemu (×Ētim bin ‘ArĒf, 2009: 103). Ini adalah pengertian umum sambil tidak menafikan perawi meriwayatkan dari apa yang tidak didengarinya pada perawi yang pernah didengarinya. Ibn ×ibbĒn menjelaskan bahawa beliau tidak menerima riwayat *mudallis* yang melakukan *TadlĒs al-IsnĒd* melainkan *mudallis* tersebut menyatakan bahawa beliau mendengar dari gurunya. Ibn ×ibbĒn menjelaskan (2012: 94):

الجنس الثالث: الثقات المدلسون الذين كانوا يدلسون في الاخبار مثل قتادة، ويحيى بن أبي كثير والأعمش وأبو إسحاق وابن جريج وابن إسحاق والثوري وهشيم ومن أشبههم ممن يكثرون عددهم من الأئمة المرضيين وأهل الورع في الدين. كانوا يكتبون عن الكل ويروون عن سمعوا منه، فرما دلسوا عن الشيخ بعد سماعهم عنه عن أقوام ضعفاء لا يجوز الاحتجاج بأخبارهم فما لم يقل المدلس وإن كان ثقة: حدثني، أو سمعت فلا يجوز الاحتجاج بخبره.

“Jenis yang ketiga: perawi-perawi yang thiqah yang al-mudallis mereka juga menyembunyikan (nama guru mereka) dalam khabar mereka umpamanya Qatadah, Ya’ġyġ bin Abġ Khathġr, al-A`masyh, Abġ Isġġq, Ibn Juraġj, Ibn Isġġq, al-Thaġrġ, Husaġm dan seumpamanya dan bilangan mereka banyak, mereka dari kalangan para imam yang diredhoi dan ahli wara` di dalam agama. Mereka menulis segalanya dari guru mereka, meriwayatkan daripada siapa yang mereka dengar, mereka juga kadangkala melakukan al-tadlġs dari guru mereka selepas mereka mendengar darinya daripada kalangan yang dinilai lemah, tidak harus berhujjah dengan khabar mereka. Selagi mana perawi al-mudallis tidak akan menyebut dalam khabarnya walaupun dia adalah thiqah “telah diceritakan kepada aku” atau “aku mendengar” maka tidak diharuskan berhujjah dengan khabar tersebut”

Jelas dari kalam Ibn xibbġn di atas bahawa beliau tidak berhujjah dengan riwayat *mudallis* kerana berkemungkinan mereka mendengar dari perawi *da`ġf* kemudian mereka melakukan *al-tadlġs*. Oleh itu, Ibn xibbġn meletakkan syarat *mudallis* perlu nyatakan beliau mendengar dari gurunya supaya ternafi *illah al-tadlġs* dalam riwayatnya.

Penting juga untuk ditekankan di sini ialah Ibn xibbġn tidak hanya mengkhususkan *al-tadlġs* kepada riwayat perawi dari orang yang beliau pernah dengar sahaja, sebaliknya *al-tadlġs* di sisinya merangkumi riwayat seseorang dari orang yang beliau tidak pernah dengari dengan lafaz yang membayangkan beliau dengar secara langsung. Ini dipanggil *al-Mursal al-Khafġ* di sisi ulama hadis *al-Muta`akhirġn*. Ibn xibbġn (1998: 216) berkata:

شعيب بن رزيق أبو شيبة من أهل الشام يروى عن عطاء الخراساني وعطاء لم ير أحدا من الصحابة روايته عنهم كلها مدلسة

“Shuġb bin Razġq Abġ Shaġbah, beliau adalah dari penduduk Shġm, beliau telah meriwayatkan daripada `Aġġġ al-Kharġsġnġ

dan `Aīla` tidak pernah melihat seorang sahabat Nabi SAW dan riwayat dari mereka semuanya adalah *al-mudallis*.

5.2 *TadlĒs al-ShuyĒkh*

TadlĒs al-ShuyĒkh ialah apabila seorang perawi menamakan, memberi *kunyah*, menggelarkan atau menyifatkan gurunya dengan nama yang tidak masyhur supaya dia tidak dikenali (al-SuyĒtĒ, 1979: 228). *Al-TadlĒs* ini dinamakan *TadlĒs al-AsmĒ*’ juga kerana perawi mengubah nama guru yang telah dikenali dan digantikan dengan nama yang kurang dikenali supaya dia tidak dikenali. Ibn ×ibbĒn (2012: 85) menjelaskan gambaran *TadlĒs al-ShuyĒkh* dengan berkata:

قوام ثقات كانوا يروون عن أقوام ضعفاء كذا بين ، ويكنونهم حتى لا يعرفوا

“Golongan daripada perawi yang *thiqqah* mereka meriwayatkan daripada golongan yang *da‘Ēf* lagi berdusta, dan mereka diberikan gelaran sehingga tidak dikenali”

Beliau juga turut menjelaskan (Ibn ×ibbĒn, 2012: 85):

ومثل الوليد بن مسلم إذا قال: حدثنا أبو عمر، فيتوهم أنه أراد الأوزاعي وإنما أراد به عبد الرحمن بن يزيد بن تميم وقد سمعا جميعا عن الزهري.

“Dan contoh lain adalah apabila *al-WalĒd bin Muslim* apabila berkata: telah menceritakan kepada kami *AbĒ ‘AmrĒ*, maka siapakah yang diragukan mereka? *Al-‘AĒzĒ‘Ē* menyangka ‘*Abd al-RaĒman bin YazĒd bin TamĒm* sesungguhnya kami mendengar keseluruhannya riwayat daripada *al-ZuhrĒ*”

5.3 *TadlĒs al-TaswĒyah*

TadlĒs al-TaswĒyah ialah jenis *al-tadlĒs* yang paling buruk. Perawi *mudallis* yang melakukan *al-tadlis* ini menyembunyikan perawi *da‘Ēf* di pertengahan sanad yang mana dia berada diantara dua perawi *tsiqah* dan kedua perawi *thiqah* tersebut pernah bertemu antara satu sama lain (al-SuyĒtĒ, 1979: 224). Ibn ×ibbĒn (2012: 87) menjelaskan contoh bagi *al-tadlĒs* ini dengan berkata:

أقوام من المتأخرين قد ظهروا يسوقون الاخبار فإذا كان بين الثقتين ضعيف واحتمل أن يكون الثقتان رأى أحدهما الآخر أسقطوا الضعيف من بينهما حتى يتصل الخبر، فإذا سمع المستمع خبر أسام رواته ثقات اعتمد عليه وتوهم أنه صحيح

“Daripada golongan al-Muta’akhirĒn mereka semua menjelaskan khabar, apabila di antara dua orang perawi thiqqah terdapat perawi ĨġoĒf, dan mereka mengugurkan “perawi yang da`Ēf di antara kedua-dua perawi yang thiqqah tersebut dan menampakkan seolah-olah khabar tersebut bersambung, apabila telah mendengar orang yang mendengar khabar tersebut, maka khabar tersebut diriwayatkan oleh perawi yang thiqah dan seolah-olah khabar tersebut adalah ĨaĨĒĨ”

Ini semua jenis-jenis *al-tadlĒs* yang disebutkan oleh Ibn ĩbbĒn dalam karyanya. Tidak dinafikan bahawa terdapat lagi jenis *al-tadlĒs* yang lain yang beliau tidak sebutkan seperti *Tadlis al-‘Atf*, *Tadlis al-Qat’* dan lain-lain lagi. Namun ia tidak disebutkan oleh Ibn ĩbbĒn kerana mungkin ia jarang berlaku. Mungkin juga beliau sebutkan tetapi dalam karyanya yang lain yang tidak sampai kepada kita atau karyanya masih dalam bentuk manuskrip. Antara bukti yang menunjukkan beliau pernah sebutkan jenis-jenis *al-tadlĒs* yang lain dalam karyanya ialah kata-kata berikut ketika membicarakan tentang *al-tadlĒs* dalam kitab *al-MajrĒĨĒn min al-MuĨadithĒn* (Ibn ĩbbĒn, 2012: 87):

وهذا أصل أبي عبد الله محمد بن إدريس الشافعي رحمه الله ومن تبعه من شيوخنا، قد ذكرت هذه المسألة بكاملها بالأسئلة والأجوبة والعلل والحكايات في كتاب "شرائط الأخبار" فأغنى ذلك عن تكرارها في هذا الكتاب.

“Dan ini adalah usul dari AbĒ ‘Abd Allah MuĨammad bin IdrĒs al-ShĒfĒ’Ē dan siapa yang mengikutinya daripada guru kami, dan sesungguhnya aku telah menyebutkan masalah ini dengan sempurna dengan segala persoalan dan jawabannya dan kecacatannya dan penceritaannya di dalam kitab “ShĒra’ĒĨ al-AkbĒr” maka tidak diulangi perkara itu di dalam kitab ini”

Terzahir dari teks ini bahawasanya Ibn ĩbbĒn telah menghuraikan isu-isu *al-tadlĒs* secara terperinci dalam kitab *Shara’Ēt al-AkbĒr*. Namun apa yang menyedihkan kitab ini tidak sampai kepada kita.

6. Pandangan Ibn ĩbbĒn Mengenai Syarat Menerima Riwayat *Mudallis*

Ibn ḫibbĒn menjelaskan syarat-syarat yang perlu ada untuk menerima riwayat *mudallis*. Syarat-syarat tersebut ialah:

- Jika perawi tersebut adalah *mudallis* yang melakukan *TadlĒs al-IsnĒd* maka dia perlu menjelaskan yang dia mendengar dari gurunya secara jelas.

Ibn ḫibbĒn (2012: 94) mensyaratkan untuk menerima riwayat *mudallis*, perawi tersebut perlu nyatakan secara jelas bahawa beliau mendengar dari gurunya supaya ternafi kebarangkalian wujudnya perawi *da'Ēf* antara *mudallis* tersebut dan gurunya. Apa yang disyaratkan oleh Ibn ḫibbĒn ini selari dengan pandangan majoriti *muĀaddithĒn*.

- Jika perawi tersebut melakukan *TadlĒs al-ShuyĒkh* disyaratkan untuk kita mengenali guru tersebut.

Ibn ḫibbĒn mensyaratkan untuk menerima riwayat *mudallis* yang melakukan *TadlĒs al-ShuyĒkh* supaya dikenali guru tersebut dan dia merupakan perawi yang diterima riwayatnya. Beliau menjelaskan (Ibn ḫibbĒn, 2012: 85):

"فلا يجوز الاحتجاج بخبر في روايته كنية إنسان لا يدري من هو وإن كان دونه ثقة لأنه يحتمل أن يكون كذابا كني عن ذكره".

"maka tidak di haruskan berhujjah dengan khabar dalam riwayatnya yang mana tidak diketahui gelaran perawi itu dan sesungguhnya itu menyebabkan kita tidak mengetahui *thiqah* perawi itu kerana ia membawa kepada pendustaan gelaran daripada menyebutnya"

Jelas kelihatan bahawa apa yang digariskan oleh Ibn Ḥibbān ini selari dengan apa yang dilakukan oleh majoriti *muĀaddithĒn*.

- Jika perawi tersebut melakukan *TadlĒs al-TaswĒyah*

MuĀaddithĒn berpandangan bahawa riwayat perawi *mudallis* seperti ini disyaratkan beliau mesti menyatakan lafaz *al-taĀrĒĀ bi al-sama'* di setiap peringkat sanad (MĒhir YĒsĒn al-FaĀl, 2009: 42). Namun, penulis tidak menjumpai teks Ibn ḫibbĒn dalam isu ini. Bahkan beliau mengkategorikan *tadlĒs* ini dalam senarai hadis yang ditolak. Tetapi boleh disimpulkan bahawa pandangan Ibn ḫibbĒn dalam isu ini tidak bercanggah dengan apa yang telah digariskan oleh majoriti

mu'addithĒn kerana beliau meletakkan syarat *al-ta'rĪf bi al-samĒ'* untuk menerima riwayat *mudallis TadhĒs al-IsnĒd* supaya ternafi kebarangkalian wujudnya perawi *Īa`Ēf* dalam sanad. Majoriti *mu'addithĒn* yang mensyaratkan *al-ta'rĒf bi al-samĒ'* di setiap peringkat sanad bagi *TadhĒs al-TaswĒah* juga diasaskan dengan alasan yang sama.

Tetapi riwayat Ibn *ḫibbĒn* dari *ØofwĒn bin Øalih al-DimasyqĒ* (w. 239 H.), *MuĀammad bin Musaffa al-ḫimĒ* (w. 246 H.) dan *al-WalĒd bin Muslim* (w. 195 H.) tidak menunjukkan beliau menerima riwayat perawi *TadhĒs al-TaswĒah* kerana sebab berikut:

- i. *Al-WalĒd bin Muslim* walaupun dikategorikan sebagai *mudallis* yang melakukan *TadhĒs al-TaswĒah* oleh *mu'addithĒn* tetapi Ibn *ḫibbĒn* tidak mengkategorikan beliau sebagai *mudallis TadhĒs al-TaswĒyah* (Al-'AlaĒ, 1986: 111). Sebaliknya Ibn *ḫibbĒn* hanya menyatakan beliau melakukan *TadhĒs al-ShuyĒkh* semata-mata (Ibn *ḫibbĒn*, 2012: 85).
- ii. Manakala *ØofwĒn bin Øalih al-DimasyqĒ* dan *Muhammad bin Musaffa al-HimĒ* pula walaupun keduanya adalah *mudallis TadhĒs al-TaswĒyah* tetapi Ibn *ḫibbĒn* meriwayatkan riwayat mereka yang disokong oleh *mutāba'at* dan *shawāhid* (Ibn *ḫibbĒn*, 2012: 8)

7. Kesimpulan

Setelah meneliti beberapa pandangan dalam kalangan golongan *al-MutaqaddimĒn* dan juga *al-Muta'akhirĒn*, maka dapat diketahui bahawa Ibn *ḫibbĒn* mendefinisikan *TadhĒs al-IsnĒd* seperti mana golongan *al-MutaqaddimĒn*, iaitu berpandangan tidak terdapat perbezaan di antara definisi *TadhĒs al-IsnĒd* dan *al-Mursal al-KhafĒ*. Adapun pengertian *TadhĒs al-ShuyĒkh* dan *TadhĒs al-TaswiyĒh*, beliau bersepatut dengan para ulama yang lain. Tetapi dalam mengklasifikasikan perawi, khususnya pada *TadhĒs al-ShuyĒkh* dan *TadhĒs al-TaswiyĒh* beliau mempunyai pandangan yang tersendiri berdasarkan *ijtihĒd* beliau.

Para ahli *nuqqĒd* mereka mengatakan *al-WalĒd bin Muslim*, diletakkan pada *TadhĒs al-TaswĒyĒh*, tetapi berbeza dengan Ibn *ḫibbĒn*, yang meletakkan beliau dalam himpunan perawi yang melakukan *TadhĒs al-ShuyĒkh*. Dalam perbincangan *TadhĒs al-TaswĒyĒh*, Ibn *ḫibbĒn* mengkategorikan *al-tadhĒs* ini dalam bahagian *al-tadhĒs* yang ditolak. Hal ini kerana telah dinyatakan oleh Ibn *ḫibbĒn* bahawa setiap perawi yang meriwayatkan sesebuah hadis

perlu melalui jalan *ta'ârÊÍ bi sama'* daripada perawi yang berada di atasnya.

RUJUKAN

- ‘Abd Allah bin YËsuf al-JËdaÊ’. (2003). *Ta'ârÊr ‘UlËm al-×adÊth*. Lubnan: Muasasah al-Rayan.
- ‘Abd al-MajÊd al-GhaËrÊ. (2009). *al-TadlËs wa al-MudallisËn: DirËsah ‘Ammah*. Beirut: Dar Kathir.
- ‘Ala al-DËn ‘Ali bin BulbËn. (1997). *Øa'ÊÍ Ibn ×ibbËn bi TartËb Ibn BulbËn*. Lubnan: Muasasah al-Risalah.
- ‘AwwËd al-Khalaf. (2001). *RiwËyat al-MudallisËn fË Øa'ÊÍ al-BukhËrÊ Jam’uhË – TakhrijËhË – al-KalËm ‘AlaËhË*. Maghribi: Universiti al-Quruyin.
- Abū al-×usaËn A'ïmad bin FËris. (1979). *Mu‘jam MuqËyis al-Lughah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- A'ïmad Mu'ammad ShËkir. (1994). *Al-BË'Ëth al-×athËth Shar' Ikhti'Ër ‘UlËm al-×adÊth lil ×afidh Ibn KathËr*. t.tp.: Maktabah al-Sunnah
- Al-`IréqÊ, ZaËn ad-DËn AbË al-Fa'ïhl ‘Abd ar-Ra'ïmËn. (1980). *Al-TaqËd wa al-IËÍ Syara' Muqaddimah Ibn Øola'.* Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-BaËhaqÊ, AbË Bakar A'ïmad bin al-×usaËn. (1989). *al-Sunan al-SughrË*. Pakistan: t.pt.
- al-DËruquthnË, AbË al-×asan ‘AlË bin’Umar bin Mu'ammad. (1985). *Al-‘Illal al-WËridah fË al-A'ïadËth al-NabawË*. Riyadh: Dar al-Ûayyibah.
- al-DhahabË, Shams al-DËn. AbË ‘Abd Allah Mu'ammad bin A'ïmad. (1963). *MËzËn al-‘ItidËl fi Naqd ar-RijËl*. Lubnan: Dar al-Ma'rifah.
- al-DhahabË, Shams al-DËn. AbË ‘Abd Allah Mu'ammad bin A'ïmad. (1998). *Tazkirah al-×ufËd*. Beirut: Dar al-Kutub al-`Alamiyah.
- al-DhahabË, Syams al-DËn, AbË ‘Abd Allah Mu'ammad bin A'ïmad (1982). *SyËar ‘AlËm an-NubËlË*. Beirut: Muasasah al-Risalah.
- al-Kha'Ëb al-BaghdËdË, AbË Bakar A'ïmad bin ‘Ali. (t.th.). *Al-KifËyËh fË Ilm al-RiwËyah*. Madinah: Maktabh al-‘AlamiyËh.
- al-MizzË, ‘AbË al-×ajjËj JamËl ad-DËn. (2004). *TahzËb al-KamËl fË AsmË’ al-RijËl*. Lubnan: Dar al-Kutub al-‘Alamiyah.

- al-NawÉwÊ, YaÍyÉ bin SharÉf bin ×asan. (2001). *ØaÍÊÍ Muslim bi SharÍ al-NawÉwÊ*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- al-ShÉfÊ‘ī, MuÍammad bin IdrÊs (1937). *Al-RisÉlah*. Mesir: t.pt.
- al-SuyËÏhÊ, JalÉl ad-DÊn. (1979). *TadrÊb al-RawÊ fi SyaraÍ Taqrib al-NawÉwÊ*. Lubnan: Dar al-Kitub al-‘Alamiyah
- BurhÊn al-DÊn al-AnbÉsi, (1998). *al-Shazan al-FiyÉh min ‘UlËm Ibn ØolaÍ*. Riyadh: Maktabah al-Rusyd
- Hâtim ibn ‘ArÊf al-‘AËnÊ. (1997) *Mursal KhafÊ wa ‘Alaqatahu bin al-TadlÊs DirÉsah NaÐariyyÉh wa TaÍbikiyyÉh ‘alÉ MarwwiyÉh al-×asan al-BaÍrÊ*. Arab Saudi: Dar al-Hijrah.
- Hâtim ibn ‘ArÊf al-‘AËnÊ. (2009). *IjmÉ’ al-MuÍadithhÊn ‘alÉ ‘Adama IshtirāÍ al-‘Ilm bi al-SamÉ’ fī al-×adÊth al-Mu‘an‘an Bayna al-Muta’ÍirÊn*. Riyadh: DÉr ‘Ilm al-FawËÊd.
- Ibn ×ajar, AÍmad bin ‘AlÊ bin MuÍammad. (2011). *An-Nukat ‘alÉ Nuzhat an-NaÐar fi TauÍÊÍ Nukhbat al-Fikr*. Arab Saudi: Dar Ibn Jauzi.
- Ibn ×ajar, AÍmad bin ‘AlÊ bin MuÍammad. (1980). *Ta’rÊf Ahli al-TaqdÊs bi MarÉtib al-MaËÏufÊn bi al-TadlÊs*. Jordan: Maktabah al-ManËr.
- Ibn ×ajar, AÍmad bin ‘AlÊ bin MuÍammad. (1995). *TahdhÊb al-TahdhÊb*. Beirut: Muasasah al-Risalah.
- Ibn ×ajar, AÍmad bin ‘AlÊ bin MuÍammad. (2001). *Nuzhat an-NaÐor fÊ TauÍÍ Nukhbat al-Fikr fi MuÍÍalaÍ Ahl al-AthËr*. Riyadh: t.pt.
- Ibn ×ajar, AÍmad bin ‘AlÊ bin MuÍammad. (2004). *FatÍ al-BËrÊ bi SharÍ ØaÍÊÍ al-BukhËrÊ*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Ibn ×ajar, AÍmad bin ‘AlÊ bin MuÍammad. (t.th.). *Ta’jÊl al-Manfa‘at bi ZawaËd RijÉl al-Immah al-Arba‘ah*. Beirut: Dar al-Ma’Ërif al-NizËmiyyÉh.
- Ibn ×ibbÊn, AbË ×Ëtim Muhammad bin ×ibbÊn. (2012). *KitÉb al-MajrËÍÊn min al-MuÍadithÊn*. Riyadh: Dar al-Sami‘i.
- Ibn ×ibbÊn, AbË ×Ëtim MuÍammad bin ×ibbÊn. (1998). *Kitab al-ThiqËt*. Lubnan: Dar al-Kutub al-‘Alamiyah
- Ibn al-‘AjamË al-ShÉfÊ‘ī. (1979). *Al-TabyËn Li AsmÉ’ al-MudalisÊn li SabaÍa Ibn al-‘AjamË’ as-SyËfËe*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Alamiyah.
- Ibn KhuzaËmah, AbË Bakar MuÍammad bin IsÍÉq bin KhuzaËmah. (2003). *ØaÍÊÍ Ibn KhuzaËmah*. t.tp.: Al-Maktab al-Islami.
- Ibn ØolÉÍ, ‘UthmÊn bin ‘Abd al-Rahmân. (1989). *Muqadimmah Ibn ØolāÍ wa Malāsin al-ÍÍilāh*. Kaherah: Dar al-Ma‘ārif

- Ibn ØalÉÍ, AbË ‘AmrË UthmËn. (1986). *‘UlËm al-×adËth li Ibn ØalāÍ*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Ibn Rejab, ‘Abd al-RaÍman bin ShihÉb al-DËn AÍmad. (2008). *SharaÍ `Illal al-TirmidzË*. Damsyik: Dar al-MulaÍ
- MÉhir YËsËn al-FaÍal. (2000). *AthËr ‘Illal al-×adËth fË IkhtilÉf al-FuqahË*. Oman: Dar ‘UmËr.
- Muhammad Rozaimi Ramle & Sahul Hamid Mohamed Maidin. (2016). *Ibn ×ibbËn wa RiwyËt al-MudallisËn fË ØalÉÍli: ShurËt wa AÍdÉf. Committee on Publication Ethics*, Vol, 6, No 1. Jun. hlm 129.
- Sa‘Ëd ‘Abd al-MajËd al-GhaËrË. (2012). *Mu‘jam al-MuÍaliÉt al-AÍadËthËh*. Malaysia: Dar Shakir.
- SirÉj al-DËn ‘Umar. (1993). *Al-Muqna’ fi ‘UlËm al-×adËth*. Arab Saudi: Dar FawËs.
-

AUTHOR’S BIOGRAPHY

Mohd Nor Adli bin Osman, dilahirkan di Yan, Kedah. Mendapat pendidikan di peringkat Diploma di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor dalam bidang Diploma al-Quran dan al-Sunnah bermula tahun 2002 sehingga tahun 2005. Kemudian melanjutkan pelajaran di peringkat Ijazah Sarjana di Institut Sulthan Thaha Saifuddin, Jambi, Indonesia pada tahun 2005 sehingga tahun 2007. Kemudian pada tahun 2010 sehingga tahun 2013 telah mendapat pendidikan di peringkat Ijazah Sarjana dalam bidang Hadis di Universiti Sains Malaysia. Seterusnya pada tahun 2015 sehingga sekarang melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Hadis, di Jabatan Usuludin di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak. Dalam bidang kerjaya, beliau telah bermula sebagai tenaga pengajar sebagai guru ganti di Sekolah Batang Kali pada bulan Mac 2008 sehingga November 2008. Kemudian bermula Januari 2009 sehingga sekarang berkhidmat sebagai pegawai KAGAT dan sekarang berkhidmat di Port Dickson. Beliau sering dijemput sebagai jemputan tenaga pengajar untuk mengajar mata pelajaran hadis di Institut Kefahaman Angkatan

Tentera di Port Dickson. Beliau sering menghabiskan masa dengan membaca dan menulis.

